



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

## The Observer

01.07.2016

### PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

#### **MULTI SPORTS HOLDINGS LTD (“MSPORTS”)**

Lembaga Pengarah MSports mengumumkan mereka telah menerima surat bertarikh 20 Mei 2016 daripada pemegang saham utama, Encik Paramjit Singh Gill (“Peminta”) pada 23 Mei 2016, yang membuat permohonan kepada MSports supaya mengadakan mesyuarat agung khas (“SGM”) dengan tujuan mencadangkan resolusi untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham terhadap pelantikan lima Pengarah tambahan berikut:

No	Resolusi
1	Pelantikan En Kasinathan a/l Tulasi sebagai pengarah Syarikat. <b>(Resolusi 1)</b>
2	Pelantikan En Naren Anand Gill sebagai pengarah Syarikat. <b>(Resolusi 2)</b>
3	Pelantikan En Clarence Yeow Kong Chew sebagai pengarah Syarikat. <b>(Resolusi 3)</b>
4	Pelantikan En Cheh Chee Mun sebagai pengarah Syarikat. <b>(Resolusi 4)</b>
5	Pelantikan En Guan Swee Kee sebagai pengarah Syarikat. <b>(Resolusi 5)</b>
6	Para pengarah yang dinyatakan di atas, yang akan dilantik ke dalam lembaga itu juga akan disenaraikan sebagai calon yang dilantik sebagai pengarah dalam anak-anak syarikat, iaitu Pak Sing Shoe Material (HK) Ltd, Jinjiang Baixing Shoe Material Co. Ltd, Fujian Qingte Investment Ltd, Fujian Evidoma Ltd dan Quanzhou Sinte Trading Ltd. <b>(Resolusi 6)</b>

[Sumber: Pengumuman MSports di laman web Bursa Malaysia pada 23 Mei 2016]

#### **KOMEN MSWG:**

Pada 23 Mei 2016, Peminta menyerahkan pemberitahuan kepada MSports mengenai pelantikan lima Pengarah tambahan itu. Walau bagaimanapun, para pemegang saham MSports masih belum menerima sebarang maklumat daripada syarikat itu.

Akta Syarikat Bermuda 1981 menyatakan “Jika para pengarah tidak mengadakan mesyuarat dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh penerimaan deposit pemerolehan, Peminta atau mana-mana pihak yang mewakili lebih separuh daripada jumlah hak pengundian, mereka boleh mengadakan mesyuarat. Namun begitu, apa-apa mesyuarat berkenaan tidak boleh diadakan selepas habis tempoh tiga bulan dari tarikh tersebut.” Berpandukan Akta ini, Peminta kini boleh mengadakan SGM sebelum 14 September 2016.

Sehubungan itu, kami percaya ia terpulung kepada Peminta untuk mengadakan SGM sebelum 14 September 2016.

## **KARYON INDUSTRIES BERHAD (“KARYON”)**

Pada 13 April 2016 Lembaga Pengarah Karyon mengumumkan Allbright Industries (M) Sdn Bhd (“AISB”), anak syarikat milik penuh Karyon, menerima surat bertarikh 12 April 2016 daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi pembayaran cukai jualan berjumlah RM1,063,464.98 berserta penalti sebanyak RM531,732.49 kerana perbezaan klasifikasi kod tarif produk (“Surat”). Walau bagaimanapun, AISB akan membuat rayuan kepada pihak berkuasa yang berkaitan berkenaan Surat itu.

Berikutan itu, Lembaga Pengarah Karyon mengumumkan AISB telah menerima surat daripada Kementerian Kewangan (“MOF”) pada 17 Jun 2016 yang menyatakan perkara berikut:

- (i) untuk membatalkan penalti cukai jualan sekiranya AISB membuat pembayaran cukai jualan penuh sebelum 31 Disember 2016; dan
- (ii) tiada bayaran balik bagi penalti atau kompaun yang sudah dibayar sebahagian atau sepenuhnya.

Lembaga Pengarah Karyon telah mempertimbangkan dan memutuskan untuk mendapatkan rayuan selanjutnya berkenaan surat daripada MOF itu memandangkan AISB telah membayar cukai jualan dan penalti berjumlah RM1,063,464.98 dan RM531,732.49 pada 19 April 2016 dan 25 April 2016.

*[Sumber: Pengumuman Karyon di laman web Bursa Malaysia pada 14 April 2016, 24 Jun 2016 dan 28 Jun 2016]*

### **KOMEN MSWG:**

Kami berasa bimbang kerana AISB telah membayar sepenuhnya cukai jualan dan penalti pada 19 April 2016 dan 25 April 2016, semasa AISB masih membuat rayuan terhadap kes ini. Nampaknya AISB akan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan semula penalti yang sudah dibayar kerana MOF menyatakan dengan jelas tidak ada bayaran balik bagi penalti yang telah dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya.

---

## **Penganalisa MSWG**

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)  
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)  
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat [cheemeng@mswg.org.my](mailto:cheemeng@mswg.org.my)  
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)  
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)  
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)  
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

---

### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

---

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mSWG.ceo@mSWG.org.my](mailto:mSWG.ceo@mSWG.org.my).

---

### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*